



KENYATAAN MEDIA

MAKLUM BALAS TERHADAP SIARAN MEDIA RIMBAWATCH BERKAITAN COP29

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) ingin merujuk kepada siaran media oleh Rimbawatch yang menyentuh beberapa aspek berkenaan penyertaan Malaysia semasa Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC COP29) yang baru-baru ini diadakan di Baku, Azerbaijan.

Kementerian ingin memberikan penjelasan berikut terhadap isu-isu yang dibangkitkan.

PENYERTAAN SYARIKAT BAHAN API FOSIL

Menurut apa yang digambarkan sebagai "analisis pantas senarai delegasi Malaysia di COP29 yang diterbitkan oleh UNFCCC", Rimbawatch mendakwa Malaysia telah menghantar 151 delegasi yang mewakili kepentingan perniagaan, di mana 44 merupakan "wakil syarikat yang mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pengembangan bahan api fosil, atau yang merupakan sebahagian daripada badan-badan perdagangan yang mewakili kepentingan bahan api fosil, dan menjadikan mereka kumpulan terbesar dalam delegasi korporat".

Pengkategorian syarikat bahan api fosil menurut Rimbawatch adalah seperti berikut: Tenaga Nasional Berhad "TNB" (17), Yinson (2), Sabah Electricity Sdn Bhd "SESB" (4), Petrolia Nasional Berhad "PETRONAS" (5), Malaysia Petroleum Resources Corporation "MPRC" (1) dan Sarawak Energy Berhad "SEB" (14).

Perlu diingatkan bahawa PETRONAS telah memberi komitmen kepada usaha untuk mencapai sifar bersih menjelang tahun 2050 dengan melabur dalam perniagaan-perniagaan baharu yang melibatkan tenaga yang boleh diperbaharui dan rendah karbon. Sementara itu, penglibatan TNB sebagai sebuah syarikat elektrik multinasional yang berpusat di Malaysia pula memainkan peranan utama dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), satu komponen utama dalam strategi sifar bersih negara menjelang 2050.

Kedua-dua TNB dan PETRONAS (melalui Gentari) juga terlibat dalam pelaburan besar berkaitan tenaga boleh diperbaharui di seluruh dunia. Oleh itu, pengkategorian mereka sebagai "pelobi bahan api fosil" oleh Rimbawatch adalah tidak tepat. Harus juga dinyatakan bahawa kehadiran kedua-dua syarikat ini ke COP29 diwakili oleh bahagian pembangunan lestari syarikat-syarikat tersebut.

Secara umum, NRES tidak mengenakan sebarang sekatan terhadap penyertaan mana-mana entiti yang berwibawa untuk ke COP, kerana Malaysia mengamalkan pendekatan "*whole-of-nation*" dalam menangani isu perubahan iklim. Semua syarikat yang diwakili ini juga terlibat dalam pelaksanaan dasar kerajaan, terutamanya NETR, dan lain-lain dasar yang menyumbang kepada usaha mencapai sasaran iklim yang ditetapkan negara. Adalah penting untuk tiada sektor dalam negara kita dikecualikan daripada penyertaan atau tanggungjawab dalam perjuangan menentang perubahan iklim, termasuklah sektor swasta.

Juga perlu ditekankan bahawa Malaysia telah mengumumkan komitmennya kepada Konsensus UAE untuk beralih daripada bahan api fosil. Kerajaan tahun ini juga telah komited kepada sasaran sifar bersih yang lebih bercita-cita tinggi iaitu "menjelang 2050". Pada masa yang sama, kerajaan juga berpendirian bahawa proses peralihan ini mesti dijalankan dengan adil dan saksama dan bukan hanya menghukum negara-negara membangun.

NRES juga ingin menjelaskan bahawa delegasi korporat ini tidak terlibat dalam rundingan yang melibatkan ahli-ahli Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim—yang hanya melibatkan negara-negara berdaulat. Hanya delegasi yang relevan daripada Kerajaan Malaysia bersama para perunding sahaja yang diberikan pas.

Semasa COP29, pasukan perunding Malaysia telah diberikan mandat yang mengambil kira pendirian pihak awam, swasta dan organisasi masyarakat sivil (CSO). NRES juga telah berunding rapat dengan Panel Penasihat dan Perunding Perubahan Iklim (yang terdiri daripada sektor swasta dan masyarakat sivil) sebelum COP29 bagi membincangkan pendirian Malaysia di persidangan tersebut.

PENYERTAAN CSO DAN ISU PEMBERIAN PAS LIMPAHAN

Rimbawatch juga mendakwa bahawa tidak ada sebarang wakil daripada CSO yang diketuai oleh masyarakat Orang Asli, atau CSO yang memberi tumpuan kepada hal ehwal Sabah dan Sarawak yang diberikan pas limpahan (*overflow badge*) untuk menghadiri persidangan tersebut.

NRES ingin menjelaskan bahawa kebanyakan delegasi yang memegang pas *Party Overflow Badges* ini terlibat dalam program di bawah Malaysia Pavilion, yang merangkumi sejumlah 45 sesi selama dua minggu. Mereka juga turut menyertai pavilion-pavilion negara lain yang utamanya bertemakan peralihan tenaga dan menangani perubahan iklim dalam sektor tenaga.

Pihak Sekretariat telah memberikan pas kepada delegasi yang relevan sahaja berdasarkan tema perundingan yang telah diberikan mandat oleh Kerajaan.

NRES sentiasa menawarkan pas kepada ahli masyarakat sivil dan individu yang berminat untuk menghadiri COP. Semakan awal oleh pihak Sekretariat mendapati bahawa hanya CSO berikut sahaja yang membuat permohonan: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), C40 Cities Climate Leadership Group, Malaysian Youth Delegation, Energy Action Partners, Global Environment Centre (GEC), Sahabat Alam Malaysia (ALAM), Youths United For Earth (YUFE), and Yayasan Hasanah.

Harus diingatkan bahawa pendaftaran untuk pas limpahan yang diberikan kepada individu atau mana-mana entiti adalah berdasarkan konsep “*first come, first serve*” mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh UNFCCC. Pada masa yang sama, terdapat juga had kepada jumlah delegasi yang ditetapkan oleh penganjur.

KESIMPULAN

Oleh itu, isu seperti kehadiran atau dakwaan ketiadaan organisasi tertentu dalam delegasi Malaysia di COP29 tidak boleh dianggap sebagai sokongan kepada mana-mana agenda yang melebihi matlamat iklim negara yang telah diketahui umum dan dinyatakan secara meluas.

NRES mengambil maklum perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Rimbawatch dan entiti-entiti lain dan akan terus memperbaiki segala proses yang relevan menjelang COP30 di Belem, Brazil kelak.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
22 NOVEMBER 2024**

PRESS STATEMENT

RESPONSE TO RIMBAWATCH PRESS RELEASE ON COP29

The Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (NRES) refers to a press release by Rimbawatch which touched on a number of aspects of Malaysia's participation during the recent Conference of the Parties of the United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC COP29) in Baku, Azerbaijan.

The Ministry wishes to offer the following clarifications to the issues raised.

FOSSIL FUEL COMPANIES PARTICIPATION

Using what it described as a "rapid analysis of Malaysia's COP29 delegate list published by the UNFCCC", Rimbawatch claimed that Malaysia sent 151 delegates representing business interests, including 44 "representatives of companies that have significant investments in fossil fuel expansion, or who are part of a trade body representing fossil fuel interests, therefore comprising the largest group within the corporate delegations".

Rimbawatch's categorisation of fossil fuel companies were as follows: Tenaga Nasional Berhad "TNB" (17), Yinson (2), Sabah Electricity Sdn Bhd "SESB" (4), Petroliam Nasional Berhad "PETRONAS" (5), Malaysia Petroleum Resources Corporation "MPRC" (1) and Sarawak Energy Berhad "SEB" (14).

It should be noted that PETRONAS has committed to net zero by 2050 by investing in new businesses in renewables and low-carbon energy. On the other hand, TNB is involved as a Malaysian-based multinational electricity company, playing a key role in our National Energy Transition Roadmap (NETR), a major component of the nation's net zero by 2050 strategy.

Both TNB and PETRONAS (through Gentari) are also involved in major investments in renewables globally. Therefore, their categorisation as “fossil fuel lobbyists” by Rimbawatch is an oversimplification. It should also be noted that it was the sustainability divisions of these companies that attended COP29.

In general, NRES does not place any restriction on the COP participation of credible entities since Malaysia is adopting a whole-of-nation approach to the issue of climate change. All companies represented were involved in implementing government policies, especially NETR and others that contribute to national climate targets. It is important that no sector in our country is excluded from participation in or responsibility for the fight against climate change, including the private sector.

It must likewise be stressed that Malaysia has committed itself to the UAE Consensus to transition away from fossil fuels. The government this year moreover committed to a more ambitious net zero target of “by 2050”. At the same time, it holds the position that the transition must be just and equitable and not just penalise developing countries.

NRES would also like to clarify that corporate delegates do not participate in the negotiations involving members of the UN Framework Convention on Climate Change—which are nation states. Only relevant delegates from the Malaysian Government and negotiators were given badges.

During the COP29, Malaysia’s negotiating team was given a mandate that took into account both public, private and civil society positions. NRES had also closely consulted with its Climate Change Advisory and Consultative Panels (consisting of the private sector and civil society) prior to COP29 to discuss Malaysia’s position at the conference.

CSO PARTICIPATION AND OVERFLOW BADGE ISSUES

Rimbawatch also claimed that no representative of an Indigenous-led CSO, or a CSO focused on Sabah and Sarawak affairs, had been given an overflow badge to the Conference.

NRES further wishes to clarify that most of the delegates with Party Overflow Badges were participating under the Malaysia Pavilion programmes, which comprised a total of 45 sessions over two weeks. They also participated at other country pavilions with themes mainly on energy transition and tackling climate change in the energy sector.

The Secretariat assigned relevant delegates with party badges according to the prioritised negotiating themes identified and mandated by the Government.

NRES has always offered members of civil society and interested individuals badges to attend COP. Initial checks by the Secretariat have revealed that only the following CSOs made requests: the National Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM), C40 Cities Climate Leadership Group, Malaysian Youth Delegation, Energy Action Partners, Global Environment Centre (GEC), Sahabat Alam Malaysia (ALAM), Youths United For Earth (YUFE), and Yayasan Hasanah.

It should also be noted that registration for overflow badges is given to credible persons or entities on a first come, first serve basis based on the due date that had been set by UNFCCC. At the same time, there was a limitation to the size of delegations from the organisers.

CONCLUSION

Therefore, issues such as the presence or alleged lack thereof of certain organisations in Malaysia's COP29 delegation should not be regarded as an endorsement of any kind of agenda beyond the country's well-known and widely-stated climate goals.

NRES notes the points raised by Rimbawatch and other entities and will strive to continue to improve the relevant processes going into COP30 in Belem, Brazil.

**MINISTRY OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENTAL
SUSTAINABILITY (NRES)
22 NOVEMBER 2024**